

SOALAN NO. 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status pelaksanaan Akta Pendaftaran Penjenayah Seksual yang telah dijanjikan sejak tahun 2007.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan sentiasa prihatin kepada isu sosial yang timbul dalam masyarakat termasuklah perlakuan jenayah seksual. Keadaan ini tentunya menggusarkan kerana memberikan implikasi negatif kepada kesejahteraan masyarakat. Tindakan sewajarnya terhadap pesalah laku seksual perlu diambil agar jenayah yang dilakukan tidak kembali berulang.

Pada masa ini, Akta 7 iaitu Akta Pendaftaran Penjenayah Dan Orang Yang Tidak Diingini 1969 masih berkuat kuasa. Akta ini adalah bagi mendaftar penjenayah termasuklah jenayah seksual seperti yang termaktub dalam Jadual Pertama Akta tersebut. Sehubungan itu, Kementerian berpendapat bahawa undang-undang yang sedia ada ini, adalah memadai bagi menangani isu pendaftaran penjenayah seksual.